

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
CARCOSA SERI NEGARA, KUALA LUMPUR (K.L)
"PELANCARAN 'WAWASAN HIJAU BP'
10 JUN 1993**

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak BP Malaysia kerana menjemput saya untuk melancarkan program 'Wawasan Hijau BP' pada hari ini.

2. Saya bangga dengan penglibatan BP Malaysia yang bukan sahaja banyak menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara tetapi juga dalam pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan dan alam sekitar.
3. Komitmen, dedikasi dan sumbangan BP Malaysia dalam pembangunan sosial jelas dapat dilihat pada pelancaran 'Wawasan Hijau BP' ini. Saya percaya usaha seperti ini akan membawa faedah kepada rakyat Malaysia kerana ia akan dapat menyedarkan mereka tentang pentingnya menjaga alam sekitar negara.
4. Saya bangga BP Malaysia begitu berminat dalam perihal kemasyarakatan seperti berusaha mengadakan program pendidikan mengenai pengkalan dan perlindungan alam sekitar.
5. Program 'Wawasan Hijau BP' menandakan adanya kerjasama yang erat di antara badan industri swasta dengan masyarakat. Usahasama yang kukuh ini sudah tentu akan dapat membantu Kerajaan dalam usahanya menjayakan rancangan-rancangan menjaga alam sekitar negara dengan berkesan.
6. Program dan aktiviti di bawah 'Wawasan Hijau BP' akan dapat menggalakkan pendidikan dan keperluan menjaga alam sekitar di kalangan masyarakat. Saya berharap lebih banyak lagi syarikat swasta menuruti jejak langkah BP Malaysia dalam membantu Kerajaan bagi mewujudkan satu alam sekitar negara yang kekal asli, hijau, nyaman dan bersih.
7. Usaha-usaha untuk melahirkan satu masyarakat yang peka kepada alam sekitar bukanlah mudah dan tidak mungkin dicapai oleh mana-mana organisasi dengan sendirinya, walaupun organisasi itu adalah besar, kukuh atau mantap. Kerjasama antara satu sama lain yang terlibat dalam usaha yang sama adalah penting dan merupakan kunci kepada kejayaan.
8. Saya menyeru rakyat Malaysia supaya memainkan peranan mereka dengan gigih bagi menentukan supaya matlamat mengurangkan pencemaran alam sekitar di negara kita akan tercapai. Kita mudah sahaja menyalahkan pihak lain apabila sesuatu keadaan berlaku walhal punca daripada masalah alam sekitar itu mungkin daripada perbuatan kita sendiri.

9. Justeru itu, setiap warganegara mestilah berdisiplin dan melaksanakan tanggungjawab mereka ke arah matlamat mengurangkan pencemaran alam sekitar di negara kita ini. Kita mestilah melaksanakan satu-satu aktiviti atau tindakan itu supaya benar-benar dapat membantu generasi sekarang dan akan datang menjadi lebih bertanggungjawab, bersikap positif dan peka kepada kepentingan alam sekitar.

10. Saya gembira dengan program 'Wawasan Hijau BP' ini yang merupakan satu proses pembelajaran yang mempunyai unsur-unsur yang menyeronokkan di samping menentukan bahawa alam sekitar tidak tercemar.

11. Saya pasti peserta-peserta daripada pelbagai kumpulan masyarakat yang mengambil bahagian dalam program ini akan mendapat banyak manfaat daripadanya dan menghargai betapa pentingnya konsep pendidikan dan alam sekitar.

12. Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada BP Malaysia di atas sumbangannya kepada masyarakat melalui 'Wawasan Hijau BP'. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya, melancarkan "Wawasan Hijau BP" ini dengan rasminya.

Sekian. Terima kasih.